



اَوْنُوْزِ سِيْتِيْ تِيْكَوْ لُوْ كِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

GARIS PANDUAN

GERAN PENYELIDIKAN

STRATEGIC RESEARCH PARTNERSHIP (SRP)

UiTM-Universitas Indonesia Bilateral Strategic Alliance (UI-UiTM BISA)

(TAHUN 2021)

**Unit Perolehan Geran (UPG) Pusat
Pengurusan Penyelidikan (RMC)**

Universiti Teknologi MARA
Aras 3, Bangunan Wawasan

40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia Tel :
(+603) 5544 2097/3240/8255/8259

Faks : (+603) 5544 8280

SENARAI KANDUNGAN

KANDUNGAN	M/S
Falsafah, Visi Dan Misi Universiti Teknologi MARA	3
Geran <i>Strategic Research Partnership (SRP) UiTM-Universitas Indonesia Bilateral Strategic Alliance (UI-UiTM BISA)</i>	
1.0 Pengenalan	4
2.0 Jumlah Peruntukan & Jangka Masa Projek	4
3.0 Syarat-Syarat Permohonan	5
4.0 Peraturan Kewangan	6
5.0 Peraturan Permohonan	7
6.0 Penilaian Geran	7
7.0 Etika Dan Kerahsiaan	7
8.0 Pemantauan Penyelidikan	7
9.0 Hasil Pencapaian Penyelidikan	8

FALSAFAH, VISI DAN MISI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

FALSAFAH

Setiap individu mampu mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan nilai-nilai murni agar menjadi graduan profesional yang berupaya mengembangkan ilmu dan membangunkan diri, masyarakat dan negara.

VISI

Menjadikan UiTM sebuah universiti terkemuka dunia dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan Keusahawanan.

MISI

Menjuarai pembangunan bumiputera profesional yang tangkas menerusi kurikulum terkehadapan dan penyelidikan berimpak.

GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN DALAMAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

GERAN *STRATEGIC RESEARCH PARTNERSHIP (SRP)* *UiTM-Universitas Indonesia Bilateral Strategic Alliance (UI-UiTM BISA)*

1.1 PENGENALAN

- 1.2** Geran *Strategic Research Partnership (SRP)* UiTM-Universitas Indonesia Bilateral Strategic Alliance (UI-UiTM BISA) ini diwujudkan untuk memperkasakan prestasi penyelidikan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universitas Indonesia (UI) di peringkat antarabangsa. Geran ini juga bertujuan meningkatkan bilangan geran antarabangsa dan Memorandum of Agreement (MoA) UiTM dan UI.
- 1.3** Geran SRP UI-UiTM BISA ini merupakan geran padanan (*Matching grant*) yang dibiaya secara bersama oleh UiTM dan UI. Geran ini akan ditawarkan kepada penyelidik UiTM dan UI yang telah mempunyai hubungan kerjasama kukuh bagi meningkatkan bilangan hasil penyelidikan bersama terutamanya penerbitan di dalam jurnal berindeks WoS/Scopus.
- 1.4** Geran ini juga bertujuan untuk menerapkan budaya penyelidikan tanpa sempadan di kalangan penyelidik agar menjadi pemangkin kepada permohonan geran penyelidikan nasional dan antarabangsa yang lebih besar jumlahnya.

2.1 JUMLAH PERUNTUKAN & JANGKA MASA PROGRAM/PROJEK

- 2.2** Geran padanan ini adalah berdasarkan nisbah padanan maksimum 1:1 diantara UiTM dan UI.
- 2.3** Jumlah peruntukan maksimum yang boleh dibiayai oleh UiTM dan UI serta jangka masa program adalah seperti berikut:

BIDANG	TEMPOH MAKSIMUM	JUMLAH PERUNTUKAN MAKSIMUM*	
		UITM	UI
Sains & Teknologi	Dua (2) tahun	RM 17,850	Rp. 60.000.000

*Seperti dinyatakan di dalam MoA

3.1 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Geran ini terbuka kepada staf akademik UiTM dengan syarat-syarat berikut: -

- 3.2 Ketua Program/Projek mestilah merupakan staf akademik warganegara Malaysia bertaraf tetap/kontrak di UiTM. Berkelayakan sekurang-kurangnya Sarjana (DM45 atau setara), namun begitu keutamaan diberikan kepada staf akademik berkelayakan PhD.
- 3.3 Staf baru yang menjadi Ketua Program/Projek mestilah aktif dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya enam (6) bulan pada tahun semasa.
- 3.4 Staf akademik yang cuti belajar dan bercuti sabbatical tidak dibenarkan menjadi Ketua Program/Projek tetapi dibenarkan menjadi Penyelidik Bersama.
- 3.5 Setiap program mesti melibatkan kerjasama di antara UiTM dan UI. Setiap program mesti dibiaya secara bersama oleh UiTM dan UI dengan nisbah padanan 1:1.
- 3.6 Kertas cadangan penyelidikan yang dikemukakan adalah berbentuk program di mana program ini mempunyai dua projek yang akan diketuai oleh Penyelidik dari UiTM dan UI. Ketua Program adalah secara automatik menjadi Ketua Penyelidik bagi salah satu Projek. Ketua Program boleh dari UiTM atau UI. Ketua Program hendaklah menghantar kertas cadangan penyelidikan kepada universiti masing-masing. Hanya satu permohonan sebagai ketua program dan/atau ketua projek akan dipertimbangkan. Penilaian akan dijalankan mengikut kaedah yang telah ditetapkan bersama oleh UiTM dan UI.
- 3.7 Kertas cadangan penyelidikan yang dikemukakan hendaklah memenuhi salah satu bidang tujahan penyelidikan Sains dan Teknologi seperti berikut:
 - i. *Advanced nanomaterials*
 - ii. *Biodiversity and natural resources*
 - iii. *Renewable energy*
 - iv. *Big data analysis*
 - v. *Green and smart manufacturing*
- 3.8 Permohonan ini wajib disertakan dengan bukti hubungan kerjasama kukuh yang telah terjalin antara penyelidik UiTM dan UI dalam tempoh lima (5) tahun kebelakang terutamanya penerbitan di dalam jurnal berindeks WoS/Scopus. Perincian penyelidikan dan perancangan aktiviti yang melibatkan kedua-dua pihak hendaklah dinyatakan dengan jelas di dalam kertas cadangan penyelidikan.
- 3.9 Setiap program mesti mempunyai jumlah penyelidik minimum seramai lima (5) orang termasuk Ketua Program, Ketua Projek dan dua (2) keahlian dari setiap universiti. Sekurang-kurangnya satu (1) penyelidik bersama UiTM adalah warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama dengan Ketua Program/Projek. Permohonan mestilah mempunyai keahlian yang seimbang dari segi gred jawatan.
- 3.10 Peruntukan kewangan bagi perbelanjaan projek hanya boleh digunakan oleh Ketua Program/Projek dan penyelidik bersama UiTM dan UI sahaja mengikut pembahagian peruntukan yang dinyatakan di dalam MoA.

- 3.11 Ketua Program/Projek dan penyelidik bersama UiTM mestilah menyumbang minimum RM20.00 sebulan kepada Tabung Amanah Penyelidikan & Inovasi Universiti (TAPIU) sepanjang tempoh geran aktif dan bukti sumbangan mesti disertakan semasa permohonan.
- 3.12 Sumbangan kepada Tabung Amanah Penyelidikan & Inovasi Universiti (TAPIU) dikecualikan sekiranya Ketua Program/Projek dan penyelidik bersama mempunyai projek perundingan aktif yang berdaftar dengan Pejabat TNCPi.

4.1 PERATURAN KEWANGAN BAGI PROJEK YANG DIKETUAI OLEH PENYELIDIK UITM

- 4.2 Perbelanjaan projek adalah dibenarkan bagi vot-vot berikut:

Vot11000	Bayaran untuk Pembantu Penyelidik (RA/GRA)
Vot21000	Perjalanan, Penginapan dan Pengangkutan (40% daripada jumlah peruntukan geran)
Vot24000	Sewaan
Vot27000	Bekalan dan Bahan Penyelidikan
Vot28000	Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai
Vot29000	Perkhidmatan Ikhtisas
Vot35000	Aksesori dan Peralatan

- 4.3 Pembantu penyelidik yang menerima biasiswa penuh (termasuk elaun sara hidup) adalah tidak layak untuk dilantik di bawah skim ini.
- 4.4 Permohonan pembantu penyelidik (RA/GRA) perlu dibuat melalui atas talian sistem iRMIs (<http://orchid.uitm.edu.my/irmis>).
- 4.5 Perjalanan ke luar negara perlu mendapat kelulusan Pejabat TNCPi dan Pejabat Naib Canselor. Pembantu penyelidik hanya dibenarkan untuk perjalanan dalam negara sahaja bagi tujuan penyelidikan. Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan UiTM.
- 4.6 Penyelidik tidak dibenarkan untuk menggunakan peruntukan geran bagi membuat pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan. Pembelian peralatan ICT dan komunikasi (seperti telefon bimbit/komputer riba/mesin pencetak/katrij dan seumpamanya); adalah tidak dibenarkan.
- 4.7 Hanya Ketua Penyelidik atau seorang penyelidik bersama sahaja yang dibenarkan bagi perjalanan ke luar negara berdasarkan kriteria berikut:
 - 4.7.1. Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan (sekali sahaja) adalah bagi tujuan aktiviti penyelidikan sahaja.
 - 4.7.2. Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang berkaitan dengan aktiviti penyelidikan.

5.1 PERATURAN PERMOHONAN

- 5.2** Permohonan Geran SRP UI-UiTM BISA ini perlu menggunakan borang permohonan yang terkini melalui laman sesawang TNCPI dan emel hebahan.
- 5.3** Permohonan hendaklah dikemukakan di dalam tempoh pembukaan geran yang telah ditetapkan oleh pejabat TNCPI.
- 5.4** Permohonan hanya boleh dibuat sekali sahaja, justeru, pemohon perlulah memastikan kertas cadangan yang dihantar untuk penilaian adalah berkualiti tinggi dan memenuhi semua syarat yang telah ditetapkan.

6.1 PENILAIAN GERAN

- 6.2** Permohonan Geran SRP UI-UiTM BISA akan dinilai oleh panel penilai yang dilantik oleh Pejabat TNCPI serta mengikut kaedah yang telah ditetapkan bersama oleh RMC UiTM dan UI.
- 6.3** Hanya permohonan yang disenarai pendek sahaja akan dijemput untuk sesi pembentangan atau soal jawab bersama panel penilai (sekiranya perlu).
- 6.4** Surat kelulusan akan diberikan kepada Ketua Penyelidik setelah dokumen Memorandum of Agreement (MoA) antara UiTM dan UI lengkap ditandatangani dan dimatikan setem. Tarikh mula projek dan pendaftaran dalam sistem akan berkuatkuasa berdasarkan tarikh surat kelulusan.
- 6.5** Ketua Penyelidik dan penyelidik bersama perlu menandatangani borang penerimaan yang telah dilengkapkan sebelum memulakan penyelidikan.
- 6.6** Keputusan kelulusan adalah muktamad.

7.1 ETIKA DAN KERAHSIAAN

Semua penyelidik mestilah mematuhi etika penyelidikan dan kerahsiaan data.

8.1 PEMANTAUAN PENYELIDIKAN

- 8.1** Semua geran penyelidikan yang telah diluluskan akan dipantau oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC).
- 8.2** Penyelidik WAJIB menghantar laporan kemajuan pada setiap enam (6) bulan secara atas talian di dalam sistem pengurusan penyelidikan atas talian (iRMIs).
- 8.3** Kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia/Haiwan (jika berkaitan) perlu disertakan bersama Laporan Prestasi pertama (6 bulan).
- 8.4** Kumpulan Penyelidik perlu mengikut perancangan penyelidikan dan tempoh di carta perbatuan seperti yang dijanjikan semasa permohonan geran. Semakan akan dibuat berdasarkan Laporan Prestasi.

- 8.5** Kegagalan memenuhi perkara 8.2 hingga 8.4 di atas (tanpa justifikasi kukuh) boleh menyebabkan amaran atau geran penyelidikan ditamatkan serta merta.
- 8.6** Sekiranya perlu, Ketua Penyelidik perlu memohon pelanjutan secara atas talian melalui sistem iRMIs sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh geran tamat. Perancangan semula penyelidikan harus disertakan bersama permohonan. Permohonan pertukaran dan penambahan ahli juga dilakukan secara atas talian dengan keperluan justifikasi yang kukuh.
- 8.7** Pihak RMC akan menghantar surat pengesahan tamat penyelidikan selepas sahaja menerima laporan akhir daripada pihak penyelidik.
- 8.8** Semua perkara di atas adalah tertakluk kepada Garis Panduan Pemantauan Penyelidikan UiTM.
- 8.9** Kumpulan penyelidik juga mestilah mematuhi Etika Penyelidikan dan Kerahsiaan Data serta Malaysian Code of Responsible Conduct in Research 2017.
- 8.10** Pelanjutan tempoh penyelidikan hanya akan dipertimbangkan sekiranya mendapat persetujuan kedua-dua pihak (UiTM dan UI).

9.1 KEBERHASILAN PENYELIDIKAN

- 9.2** Geran ini perlu menghasilkan sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan bersama dengan afiliasi UiTM dan UI di dalam jurnal berindeks Scopus Q3.
- 9.3** Hasil kolaborasi berimpak lain-lain adalah digalakkan, contohnya:
- i. Pascasiswazah untuk dilatih (*Postgraduate students to be trained*)
 - ii. Artikel Prosiding (*Article in proceedings*)
 - iii. Paten
 - iv. *Prototype*
 - v. *Blueprints*
 - vi. *Policy Briefs*
 - vii. Penghantaran permohonan Geran Penyelidikan Antarabangsa
 - viii. Lain-lain hasil penyelidikan berimpak seperti latihan sangkutan industri, penyeliaan bersama, tindakan penyelidik, penceramah jemputan, penyelidik jemputan, editor dan lain-lain
- 9.4** Penghargaan kepada geran *Strategic Research Partnership (SRP) UiTM-Universitas Indonesia Bilateral Strategic Alliance (UI-UiTM BISA)* mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.